



**UPNM HOLDINGS SDN. BHD.**

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN**

**PEMBANTU EKSEKUTIF AKAUN, UPNMHSB**

**UPNM Holdings Sdn. Bhd.** Merupakan anak syarikat milik penuh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), sebuah universiti awam yang beroperasi di Kem Perdana Sungai Besi, Kuala Lumpur, mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan tersebut.

**Peranan dan tanggungjawab :**

- Mencatatkan, memasukkan dalam rekod perakaunan dan simpanan kira
- Melaksanakan fungsi perakaunan dan simpanan kira yang terhad
- Mengira kos pengeluaran dan pengendalian
- Menyediakan senarai gaji dan rekod yang berkaitan untuk gaji pekerja dan bagi tujuan penyimpanan rekod.
- Menyediakan invois, menerima dan membayar wang, menyimpan rekod transaksi, mengeluarkan resit dan menunaikan cek.
- Menyediakan dokumen kewangan dan mengira faedah atau caj broker dan duti saham yang perlu dibayar.
- Memproses dokumentasi dan menyelenggara rekod bon, saham dan sekuriti lain yang dibeli atau dijual bagi pihak pelanggan atau Majikan.
- Memeriksa, menilai dan memproses Permohonan kredit atau pinjaman serta menyediakan syarat-syarat pinjaman dan butiran terperinci bayaran balik bagi pinjaman yang diluluskan.
- Memberi bantuan dalam menyediakan penyata cukai syarikat dan menjawab pertanyaan mengenai cukai.

**Kelayakan :**

- Warganegara Malaysia
- Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
- Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan
- Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- Jujur, amanah dan bertanggungjawab
- Mampu bekerja melebihi waktu kerja biasa
- Mempunyai lesen kenderaan B2 dan D

**Gaji Bulanan (Anggaran) :**

- RM1,750.00

**Cara Memohon :**

- Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar *resume* yang lengkap dan di penjuru sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil berkaitan yang diakui sah beserta sekeping gambar berukuran pasport terbaharu.
- Tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Julai 2023 (Isnin)**.
- Permohonan perlu dimajukan ke alamat seperti di bawah;

**PENGERUSI**

UPNM Holdings Sdn. Bhd.  
Aras Bawah, Bangunan Kasturi,  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,  
Kem Perdana Sungai Besi,  
57000 Kuala Lumpur

Atau melalui email ke alamat [nurfazlia@upnm.edu.my](mailto:nurfazlia@upnm.edu.my)

**PERHATIAN**

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.